

Darihal pesara dan persaraan...

DI KETIKA merasmikan mesyuarat Agung Persatuan Pesara-Pesara Kerajaan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, mengikut laporan akhbar berkata, Kerajaan akan menimbang kemungkinan mengambil pesara-pesara kerajaan yang mempunyai kelayakan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu berlagas semula.

Tambah Tengku Razaleigh, jangka hayat di Malaysia meningkat kepada purata 65 tahun bagi lelaki dan 70 tahun bagi perempuan dan ini bermakna seseorang pesara boleh lagi berkhidmat antara 5 hingga 10 tahun selepas umur bersara 55 tahun.

* * *

Komen Penulis:

Dengan kebetulan, pada hari tersiarnya kenyataan Tengku Razaleigh tadi, iaitu Mei 25, penulis terbaca di sebuah akhbar luar negeri, sebuah berita bertajuk "Queen should retire at 60".

Berita berikutan berkata, sebahagian besar rakyat di Britain berasa bahawa Queen Elizabeth II sepatutnya "bersara" bila baginda meningkat umur 60 tahun dan dengan itu membolehkan Prince Charles menjadi Raja. Ini adalah hasil pendapat ramal yang diperolehi melalui "poll" yang diuruskan oleh akhbar "Sunday Mirror."

Akhbar menambah setelah meningkat umur 55 tahun, Queen tentu sekali merasai beban tanggungjawab dan perkhidmatan selaku Raja. Ramal rakyat memikirkan bahawa baginda patutlah sangat diberi peluang untuk "bersara" bila meningkat umur 60 dan dengan cara ini akan menikmati "a well-deserved rest", yakni rehat yang paling diperlukan.

Penulis percaya pandangan "sebahagian besar rakyat" British itu bukanlah mencerminkan ketidaksetiaan (disloyalty) terhadap raja mereka, sebaliknya adalah atas dorongan "consideration" (perasaan timbangrasa) yang ikhlas terhadap Queen dan jua terhadap puteranya Prince Charles. Kerana persaraan bila meningkat umur 60 tahun akan memberi peluang kepada Queen untuk berehat setelah berkhidmat sebegitu lama dengan cemerlang kepada rakyat dan negara, dan secara serentak pula akan memberi peluang kepada Prince Charles menjadi Raja sebelum beliau melayakkan diri untuk memasuki "Kelab Tok Aki", atau dalam bahasa Inggerisnya "Grandfathers' Club"...

Catitan Khas:

Agaknya "consideration" di pihak Datuk Hussein Onn terhadap Timbalannya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (yang, penulis difahamkan, hampir-hampir meningkat kepada 55 tahun — mungkin banyak orang tidak percaya) adalah jua diantara sebab utama yang mendorongkan Datuk Hussein membuat keputusan untuk mengundurkan diri secara sukarela dari arena politik dan meletak jawatan sebagai Ketua Parti dan Perdana Menteri?

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia